

**PENGLIBATAN IBU BAPA INDIA DALAM  
PENDIDIKAN ANAK-ANAK: SATU KAJIAN  
PERBANDINGAN DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN  
TAMIL DAN SEKOLAH KEBANGSAAN DI DAERAH  
KERIAN, PERAK DARUL RIDZUAN.**

**oleh**

**SURESH KUMAR A/L N VELLYMALAY**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Februari 2011**

## **PENGHARGAAN**

Saya bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat disempurnakan penulisan tesis ini.

Saya merakamkan setelus penghargaan kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr Sundramoorthy yang sanggup meluangkan masa untuk membimbing saya untuk menyiapkan tesis ini sepenuhnya. Penghargaan juga diberikan kepada Penyelia Bersama, Dr Azrina Husin dan Dr Premalatha yang turut membimbing saya sepanjang penulisan tesis ini. Segala dorongan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan oleh mereka amat bermakna dalam memberi buah fikiran yang kritis ke arah penulisan yang berkualiti.

Setinggi penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Pejabat Pelajaran Daerah Kerian, Guru Besar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kebangsaan di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan yang membenarkan saya membuat penyelidikan bagi penulisan tesis di peringkat kedoktoran ini.

# KANDUNGAN

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>ABSTRAK</b>	xv
<b>ABSTRACT</b>	xvii
<b>BAB 1 - PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Soalan Kajian	11
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12
<b>BAB 2 - TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pendahuluan	14
2.2 Definisi Penglibatan Ibu Bapa	14
2.3 Tinjauan Literatur tentang Penglibatan Ibu Bapa ke Atas Pendidikan Anak	17

2.4	Kerangka Teoretikal – Teori Deprivasi Budaya	30
2.5	Model Teoritikel	35
2.6	Kesimpulan	46

### **BAB 3 - METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	48
3.2	Strategi Kajian	48
3.3	Sumber Data	51
	3.3.1 Lokasi Kajian	51
3.4	Persampelan dan sampel	56
	3.4.1 Sampel Ibu Bapa Pelajar SJK(T) dan SK bagi Data	
	Kuantitatif	56
	3.4.1.1 Instrumen Kajian	58
	3.4.1.2 Kajian Rintis untuk Soal Selidik Ibu Bapa	71
	3.4.1.2.1 Ujian Analisis Item	73
	3.4.1.2.2 Ujian Korelasi Item kepada Item	74
	3.4.1.2.3 Ujian Korelasi Item kepada Total	75
	3.4.1.2.4 Ujian Alfa Cronbach	76
	3.4.1.2.5 Ujian Analisis Faktor	77
3.5	Analisis Kebolehpercayaan bagi Sampel Sebenar Ibu Bapa Pelajar	
	SJK(T) dan SK	78
	3.5.1 Ujian Alfa Cronbach bagi Sampel Sebenar	81
	3.5.2 Ujian Analisis Faktor bagi Sampel Sebenar	84

3.6	Kesimpulan	85
<b>BAB 4 - ANALISIS ANALISIS DESKRIPTIF</b>		
4.1	Pendahuluan	88
4.2	Latar Belakang Ibu Bapa Pelajar SJK(T) dan SK	88
4.3	Penglibatan Ibu Bapa Pelajar SJK(T) dan SK terhadap Pendidikan Anak	100
4.3.1	Faktor Dorongan Dalaman Ibu Bapa	101
4.3.1.1	Peranan Ibu Bapa	101
4.3.1.2	Kesedaran Ibu Bapa	106
4.3.2	Faktor Dorongan Luaran Ibu Bapa	112
4.3.2.1	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Pihak Sekolah	112
4.3.2.2	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Anak	116
4.3.2.3	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Guru Kelas	120
4.3.3	Faktor Dorongan Luaran Ibu Bapa	124
4.3.3.1	Faktor Masa dan Tenaga Ibu Bapa	128
4.3.3.2	Pemilikan Pengetahuan dan Kemahiran Ibu Bapa	131
4.4	Kesimpulan	
<b>BAB 5 - ANALISIS ASOSIASI UNTUK DATA KATEGORIKAL</b>		
5.1	Pendahuluan	136
5.2	Pengekodan Data Untuk Jadual Kontingensi	137
5.3	Jadual Kontigensi dan Peraturan Ukuran Asosiasi	140
5.4	Interpretasi Ukuran Asosiasi	142
5.4.1	Faktor Dorongan Dalaman Ibu Bapa	144

5.4.1.1	Peranan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak di SJK(T) dan SK	144
5.4.1.1.1	Peranan Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan	146
5.4.1.2	Kesedaran Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak di SJK(T) dan SK	148
5.4.1.2.1	Kesedaran Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan	151
5.4.1.2.2	Kesedaran Ibu Bapa dengan Pekerjaan	157
5.4.1.2.3	Kesedaran Ibu Bapa dengan Pendapatan	159
5.4.2	Faktor Dorongan Luaran Ibu Bapa	161
5.4.2.1	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Pihak Sekolah dalam Pendidikan Anak di SJK(T) dan SK	162
5.4.2.1.1	Permintaan Ibu Bapa Daripada Pihak Sekolah dengan Taraf Pendidikan	163
5.4.2.2	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Anak dalam Membantu Pendidikan Anak di SJK(T) dan SK	166
5.4.2.2.1	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Anak dengan Pendapatan Isi Rumah	168
5.4.2.3	Permintaan kepada Ibu Bapa oleh Guru Kelas dalam Membantu Pendidikan Anak di SJK(T) dan SK	169
5.4.3	Faktor Dorongan Lain	170
5.4.3.1	Faktor Masa dan Tenaga Ibu Bapa dalam Membantu Pendidikan Anak di SJK(T) dan SK	171

5.4.3.1.1	Faktor Masa dan Tenaga Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan	172
5.4.3.2	Pemilikan Pengetahuan dan Kemahiran Ibu Bapa dalam Membantu Pendidikan Anak di SJKT dan SK	174
5.4.3.2.1	Pemilikan Pengetahuan dan Kemahiran Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan	176
5.4.3.2.2	Pemilikan Pengetahuan dan Kemahiran Ibu Bapa dengan Pekerjaan	179
5.4.3.2.3	Pemilikan Pengetahuan dan Kemahiran Ibu Bapa dengan Pendapatan	181
5.5	Kesimpulan	183

## **BAB 6 - ANALISIS REGRESI LOGISTIK BINARI**

6.1	Pendahuluan	187
6.2	Regresi Logistik Binari dan Pengekodan Data	189
6.3	Regresi Logistik Binari dan Kekuatan Hubungan Ukuran Asosiasi	193
6.3.1	Regresi Logistik Binari ke atas Ibu Bapa Pelajar SJK(T)	196
6.3.2	Regresi Logistik Binari ke atas Ibu Bapa Pelajar SK	198
6.4	Kesimpulan	238

## **BAB 7 - PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

7.1	Pendahuluan	241
7.2	Perbincangan dan Rumusan	241
7.3	Model Penerangan	260
7.4	Generalisasi Dapatan Kajian	264

7.5	Cadangan Bagi Kajian Akan Datang	265
	BIBLIOGRAFI	267
	LAMPIRAN A	
	LAMPIRAN B	
	LAMPIRAN C	
	LAMPIRAN D	
	LAMPIRAN E	
	LAMPIRAN F	
	LAMPIRAN G	
	LAMPIRAN H	



## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Bilangan SJK(T) dan SK di Perak mengikut daerah, 2006.	52
Jadual 3.2	Perbandingan Pencapaian UPSR bagi SJK(T) dan SK mengikut daerah di Negeri Perak pada Tahun 2006.	53
Jadual 3.3	Jumlah Enrolmen Pelajar India di SJK(T) dan SK di Daerah Kerian, Perak.	57
Jadual 3.4	Definisi Formal Pembolehubah	59
Jadual 3.5	Definisi Operasi Pembolehubah	62
Jadual 3.6	Keputusan Ujian Alfa Cronbach	76
Jadual 3.7	Keputusan Ujian Alfa Cronbach bagi sampel sebenar	82
Jadual 4.1	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Jantina</i>	89
Jadual 4.2	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Umur</i>	89
Jadual 4.3	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Jenis Keluarga</i>	90
Jadual 4.4	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Tempat Tinggal</i>	91
Jadual 4.5	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Taraf Pendidikan</i>	92
Jadual 4.6	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Pekerjaan</i>	93
Jadual 4.7	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Pendapatan</i>	95
Jadual 4.8	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Pendapatan Isi Rumah</i>	96
Jadual 4.9	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Bilangan Anak</i>	97
Jadual 4.10	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Bilangan Anak Bersekolah</i>	98

Jadual 4.11	Bilangan ibu bapa dalam sampel berdasarkan <i>Bilangan Anak Bekerja</i>	98
Jadual 4.12	Peranan ibu bapa tentang tanggungjawab membantu pendidikan anak	102
Jadual 4.13	Kesedaran ibu bapa dalam membantu pendidikan anak	108
Jadual 4.14	Permintaan kepada ibu bapa oleh pihak sekolah untuk membantu pendidikan anak	114
Jadual 4.15	Permintaan kepada ibu bapa oleh anak untuk membantu pendidikan anak	118
Jadual 4.16	Permintaan kepada ibu bapa oleh guru kelas untuk membantu pendidikan anak	122
Jadual 4.17	Faktor masa dan tenaga ibu bapa dalam membantu pendidikan anak	125
Jadual 4.18	Pemilikan pengetahuan dan kemahiran ibu bapa dalam membantu pendidikan anak	129
Jadual 5.1	<i>Konstruksi Peranan Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan</i>	147
Jadual 5.2	<i>Kesedaran Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan</i>	152
Jadual 5.3	<i>Kesedaran Ibu Bapa dengan Pekerjaan</i>	158
Jadual 5.4	<i>Kesedaran Ibu Bapa dengan Pendapatan</i>	160
Jadual 5.5	<i>Permintaan Kepada Ibu Bapa Oleh Pihak Sekolah dengan Taraf Pendidikan</i>	165
Jadual 5.6	<i>Permintaan Kepada Ibu Bapa Oleh Anak dengan Pendapatan Isi Rumah</i>	168
Jadual 5.7	<i>Faktor Masa dan Tenaga Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan</i>	173
Jadual 5.8	<i>Pemilikan Pengetahuan dan Skil Ibu Bapa dengan Taraf Pendidikan</i>	177
Jadual 5.9	<i>Pemilikan Pengetahuan dan Skil Ibu Bapa dengan Pekerjaan</i>	180
Jadual 5.10	<i>Pemilikan Pengetahuan dan Skil Ibu Bapa dengan Pendapatan</i>	182

Jadual 6.1	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Perbincangan Masa Depan</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	199
Jadual 6.2	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Mengetahui Corak Pembelajaran</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	203
Jadual 6.3	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Mengenalpasti Masalah Akademik Di Sekolah</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	206
Jadual 6.4	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Pemantauan Pergerakan</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	208
Jadual 6.5	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Membantu Kerja Rumah</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	212
Jadual 6.6	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Mengenalpasti Kerja Rumah</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	214
Jadual 6.7	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Memantau Peperiksaan</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	217
Jadual 6.8	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Menyuntik Motivasi</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	
Jadual 6.9	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Limitasi Masa</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	222
Jadual 6.10	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Pembelian Bahan Bacaan</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	224
Jadual 6.11	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Pembekalan Tuisyen</i> bagi Komponen Kesedaran Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK	227
Jadual 6.12	Analisis Regresi Logistik Binari ke atas <i>Pengetahuan Membantu Kerja Rumah</i> bagi Komponen Pemilikan Pengetahuan Dan Skil Ibu Bapa Pelajar SK	231

Jadual 6.13: Analisis Regresi Logistik Binari ke atas *Pengetahuan Memantau Pendidikan* bagi Komponen Pemilikan Pengetahuan Dan Skil Ibu Bapa untuk Ibu Bapa Pelajar SK

234

## SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Kitaran Deprivasi Budaya	32
Rajah 2.2	Model Penglibatan Ibu Bapa Hoover-Dempsey dan Sandler	38
Rajah 2.3	Model Teoritikel: Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak	44
Rajah 7.1	Model Penerangan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Anak	260

## SENARAI SINGKATAN

SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SJK(C)	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SK	Sekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
C	Pekali kontingensi
Cs	Pekali kontingensi yang diapiawai
V	Pekali Cramer V
dk	Darjah kebebasan
B	Pekali regresi
Eks (B)	Uji nilai eksponen (B)
$r$	Pekali korelasi Pearson

**PENGLIBATAN IBU BAPA INDIA DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK:  
SATU KAJIAN PERBANDINGAN DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN  
TAMIL DAN SEKOLAH KEBANGSAAN DI DAERAH KERIAN, PERAK  
DARUL RIDZUAN.**

**ABSTRAK**

Kajian ini memberi perhatian kepada penglibatan ibu bapa pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T) dan Sekolah Kebangsaan (SK) dalam pendidikan anak di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Bagi pengumpulan data kuantitatif daripada sampel ibu bapa pelajar, sebanyak 300 orang pelajar India dipilih mengikut persampelan rawak berlapis. Daripada jumlah tersebut, 150 orang pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar SJK(T) yang berada di Tahun Tiga, Tahun Empat dan Tahun Lima iaitu 50 orang pelajar dari setiap Tahun. Selebihnya 150 pelajar lain terdiri daripada pelajar-pelajar SK yang berada di Tahun Tiga, Tahun Empat dan Tahun Lima iaitu 50 orang pelajar dari setiap Tahun. Berdasarkan jumlah 300 orang pelajar tersebut, salah seorang sama ada ibu atau bapa bagi setiap pelajar dipilih (atas pandangan anak tentang individu yang paling banyak meluangkan masa bersamanya dalam membantu pendidikannya) untuk dijadikan responden kajian bagi sampel ibu bapa ini. Analisis kuantitatif digunakan untuk menentukan strategi-strategi penglibatan ibu bapa pelajar SJK(T) dan SK dalam pendidikan anak masing-masing. Analisis kuantitatif juga digunakan untuk menentukan sejauhmana latar belakang sosio-ekonomi memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa ke atas pendidikan pelajar-pelajar India di SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Selain itu, penekanan juga diberikan kepada faktor-faktor yang menyebabkan perbezaan dalam penglibatan ibu bapa antara SJK(T) dan di daerah tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa pelbagai strategi digunakan oleh ibu bapa

pelajar SJK(T) dan SK untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak mereka. Daripada analisis data kuantitatif ini, didapati bahawa latar belakang sosioekonomi iaitu taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pendapatan isi rumah kurang mempengaruhi penglibatan ibu bapa pelajar SJK(T) dalam pendidikan anak. Namun demikian, latar belakang sosioekonomi ini menunjukkan pengaruh yang lebih tinggi dalam kalangan ibu bapa pelajar SK. Taraf pendidikan merupakan dikenal pasti sebagai pembolehubah yang paling penting dalam mempengaruhi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak.



**INDIAN PARENTS' INVOLVEMENT IN THE EDUCATION OF THEIR CHILDREN: A COMPARATIVE STUDY OF NATIONAL TYPE TAMIL SCHOOLS AND NATIONAL SCHOOLS IN KERIAN DISTRICT, PERAK DARUL RIDZUAN.**

**ABSTRACT**

This research focuses on parental involvement in National Type Tamil School and National School students' education at Kerian District, Perak Darul Ridzuan. For the quantitative data collection from the sample of parents, approximately 300 Indian students were selected using stratified random sampling. From this total, 150 students were from National Type Tamil School. They were in Year Three, Four and Five that is 50 students from each Year. The other 150 students were from National School. They were in Year Three, Four and Five that is 50 students from each Year. From these 300 students, only one parent of the child was chosen (based on the children's perception about the individual who spend more time with them to help in their education) to be the respondent. Quantitative analysis was used to identify parental involvement strategies in education among National Type Tamil School and National School students. Quantitative analysis was also used to determine the effect of socioeconomic background of parental involvement in Indian student's education in National Type Tamil School and National School in Kerian district, Perak Darul Ridzuan. Emphasis was given to factors that cause differences in parental involvement between the two types of school, apart from students' views of their parents' involvement in National Type Tamil School and National School in this district. Findings show that there were various strategies that were implemented by National Type Tamil School and National School parents' to be involved in their

children's education. The quantitative analysis shows that socioeconomic background such as education, occupation, income and household income did not play important roles in influencing parental involvement in their children's education in National Type Tamil School. However, socioeconomic background plays a more important role in influencing parental involvement in their children's education in National Schools. Parents' education level has been identified as the most important variable in determining parental involvement in their children's education.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Tesis ini bertujuan untuk menjelaskan penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan pelajar-pelajar berbangsa India yang sedang mengikuti pendidikan sekolah rendah iaitu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T)) dan Sekolah Kebangsaan (SK) yang terdapat di Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Lebih khusus lagi, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menerangkan pengaruh latar belakang sosioekonomi ibu bapa dalam mempengaruhi strategi-strategi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak di SJK(T) dan SK. Penganalisan yang dilakukan ini bertujuan untuk menyimpulkan kekuatan latar belakang sosioekonomi ke atas keberkesanan penglibatan ibu bapa India dalam pendidikan anak di Malaysia secara keseluruhannya.

Tesis ini mengandungi tujuh bab. Bab pertama akan membincangkan latar belakang kajian yang mengandungi kenyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, bab permulaan ini juga akan turut membincangkan kepentingan kajian dan limitasi kajian serta susunan bab-bab kajian. Bab kedua menjurus kepada definisi konsep, kerangka teoritikal, kajian literatur dan model teoritikel yang digunakan dalam kajian ini. Bab ketiga pula merujuk kepada metodologi penyelidikan dan kaedah pengumpulan data yang diguna dalam kajian ini. Bab ini menerangkan strategi kajian, sumber data, lokasi

kajian, populasi dan persampelan serta instrumen kajian yang digunakan selain penerangan tentang kajian rintis. Bab keempat merujuk kepada semua penemuan kajian yang diperoleh daripada kajian lapangan berdasarkan analisis deskriptif. Bab lima dan bab enam pula masing-masing memberi penekanan kepada semua penemuan kajian melibatkan analisis asosiasi dan regresi. Bab terakhir pula merujuk kepada perbincangan dan rumusan bagi kajian ini.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pendidikan merupakan institusi sosial yang bertanggungjawab mengalirkan ilmu, kemahiran dan nilai-nilai budaya secara sistematik dalam suatu struktur yang dibentuk secara formal (Kendall, 2007: 510). Namun, dalam dekad-dekad terakhir ini, isu-isu kemerosotan pencapaian pendidikan menjadi fokus utama dalam agenda penggubal polisi dan perdebatan akademik. Hal ini menyebabkan lebih banyak perhatian diberikan kepada kajian-kajian pendidikan tentang kemerosotan pencapaian pendidikan dalam kalangan pelajar (Demie, et al., 2002: 101).

Salah satu fokus utama dalam kajian-kajian mengenai pendidikan ialah penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan seseorang anak ini mempunyai tempat yang bermakna dalam bidang sosiologi pendidikan (Lareau, 1987: 73). Dengan adanya penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak khususnya di rumah dan di sekolah, sesebuah keluarga berupaya mengubah suai tingkah laku anak untuk mencapai kejayaan dalam hidup (Gestwicki, 1987: 1). Pengasuhan anak yang baik pada peringkat ini dapat membentuk perangai,

tingkah laku, personaliti, bakat dan potensi pada diri anak tersebut (Manja Mohd Ludin, 1990: 81).

Oleh itu, pencapaian dan aspirasi yang tinggi dalam pendidikan berkait rapat dengan penglibatan ibu bapa yang positif dalam pendidikan (Liontos, 2004). Hal ini kerana, salah satu hubungan yang signifikan dan rapat di antara manusia adalah hubungan antara ibu bapa dan anak. Untuk memastikan pencapaian pendidikan, ibu bapa bukan sahaja membantu anak mereka membangun dari segi kognitif tetapi juga membantu anak bergerak selaras dengan kemahiran yang diterima selaras dengan keperluan organisasi sekolah (Baker dan Stevenson, 1986: 157).

Tambahan lagi, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak juga mendapati bahawa pendidikan seseorang anak menunjukkan pergantungan yang tinggi terhadap penguasaan kekayaan ibu bapa dan kehendak ibu bapa melentur seseorang anak berbanding keupayaan dan usaha pelajar itu sendiri (Brown, 1990: 66). Setiap anak mendapat manfaat apabila ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan anak dan apabila setiap ibu bapa mempunyai keyakinan dalam membantu anak mereka berjaya di sekolah (Eliason dan Jenkins, 2003: 58). Oleh itu, penglibatan ibu bapa memainkan peranan penting kepada kognitif dan perkembangan sosial seseorang anak (Weiss, et al., 2006).

Di Malaysia, pendidikan telah dijadikan alat negara bukan sahaja dari aspek ke arah integrasi nasional tetapi juga ke arah pertumbuhan guna tenaga manusia (Haris Jadi, 1985: 69). Falsafah Pendidikan Negara yang berdasarkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam beberapa laporan dan akta pendidikan seperti Laporan

Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 dan Rukunegara (Kanthasamy, 2003), menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia sebagai suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Untuk menjayakan matlamat tersebut, Sistem Pendidikan Kebangsaan bagi peringkat sekolah di bawah Kategori Institusi Pendidikan Kerajaan telah membentuk pendidikan prasekolah, pendidikan sekolah rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepas menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Selaras Falsafah Pendidikan Negara, seseorang individu harus menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira selain berusaha mencari ilmu untuk membolehkannya berfikir dengan baik dan matang serta dapat menggunakan ilmu dan kemahiran untuk menyelesaikan masalah yang dihadapinya (Kanthasamy, 2003). Oleh itu, seseorang anak perlu melalui pelbagai tahap umur dalam satu sistem pendidikan yang didefinisikan untuk setiap status dalam hidup (Kenyatta, 1959: 45).

Bagi kebanyakan kanak-kanak, sekolah rendah merupakan pengalaman pertama bagi mereka untuk menerima pendidikan di luar didikan ibu bapa mereka. Dalam struktur pendidikan Malaysia, Pendidikan Rendah merupakan kursus pengajian pada peringkat rendah yang direncanakan bagi tempoh enam. Bentuk pendidikan ini

terdiri daripada Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Sekolah Jenis Kebangsaan ini pula terdiri daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau SJK(C) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil atau SJK(T) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Walaupun pendidikan di SK terbuka kepada semua kanak-kanak daripada pelbagai etnik namun SJK(T) dan SJK(C) wujud untuk memenuhi pilihan ibu bapa agar anak mereka mendapat pendidikan dalam bahasa ibunda (Santhiram, 1999: 21).

Pendidikan sekolah rendah ini mengambil masa enam tahun. Kanak-kanak selalunya memulakan pendidikan sekolah rendah ketika berumur tujuh tahun. Pendidikan sekolah rendah merupakan kesinambungan kepada pendidikan prasekolah. Selain membaca menulis dan mengira, mereka akan didedahkan kepada subjek-subjek lain seperti Sains, Pendidikan Jasmani, Pendidikan Islam dan Moral. Pada penghujung pengajian mereka pada Tahun 6, mereka akan menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Selepas UPSR, murid-murid berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Dalam membincangkan kepentingan pendidikan, pendidikan sekolah rendah merupakan satu keperluan yang sangat penting bagi seseorang pelajar. Kelemahan pencapaian pendidikan pada tahap sekolah rendah akan menyebabkan pendidikan pelajar tersebut terus merosot tatkala pelajar itu meningkat ke sekolah menengah. Untuk memastikan pendidikan sekolah rendah dihadapi oleh pelajar dengan berkesan maka seseorang pelajar harus sedar akan tanggungjawab dan keperluan untuk menimba ilmu. Oleh sebab orang pertama yang dikenal sebagai seorang anak

dalam hidup ialah ibu bapa dan ahli keluarga yang lain maka anak tersebut akan menerima tanggapan pertama dari lingkungan keluarga (Pudjijoyanti, 1988: 12). Maka, penglibatan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menjamin kecemerlangan pendidikan seseorang anak yang berada di bangku persekolahan (Chrispeels dan Rivera, 2001: 119).

### **1.3    Penyataan Masalah**

Matlamat pendidikan tidak mempunyai makna jika dibiarkan sebagai suatu ungkapan yang dilafaz sahaja. Pendidikan hanya berkesan jika ia diterjemah kepada bentuk tingkah laku yang diharap berdasarkan ilmu yang diterima daripada pendidikan tersebut (Atan Long, 1982: 32). Oleh itu, tugas mendidik kebiasaannya dipertanggungjawabkan kepada dua pihak utama iaitu ibu bapa di rumah dan guru di sekolah. Pendidikan tidak formal yang diterima oleh anak di rumah dan pendidikan formal yang diterima di sekolah menjadi asas kepada perkembangan pembelajaran dan pembentukan tingkah laku seseorang anak. Hal ini bermakna, ibu bapa juga memainkan peranan utama dalam membantu kejayaan anak dalam pendidikan di luar institusi pendidikan.

Dalam persekitaran keluarga, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak amat penting bagi perkembangan pendidikan seseorang anak. Walau bagaimanapun, penglibatan ibu bapa tersebut bergantung kepada kemampuan ibu bapa untuk membantu pola pendidikan anak. Kemampuan ini pula biasanya dipengaruhi oleh latar belakang sosioekonomi ibu bapa. Dalam hal ini, tidak semestinya setiap ibu bapa bernasib baik dalam membekalkan keperluan-keperluan pendidikan bagi anak



mereka. Pelbagai kekurangan dalam persekitaran keluarga menghalang penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak masing-masing.

Dalam konteks Malaysia, tidak banyak kajian yang telah dibangunkan dengan memfokuskan kumpulan minoriti terutamanya etnik India. Daripada kajian-kajian yang telah dilakukan berhubung etnik India ini, kebanyakannya pula memfokuskan kemiskinan hidup masyarakat ladang (Selvakumaran, 1994; Colletta, 1975; Jain, 1970; Jomo, 1986; Selvaratnam, 1971) dan kajian-kajian tentang buruh ladang (Navamukundan, 1988; Selvaratnam, 1971; Nayagam, 1988). Namun, tidak banyak perhatian diberikan kepada soal pendidikan. Jika ada pun, kajian mengenai pendidikan lebih menyentuh tentang status dan peranan SJK(T) yang terdapat di kawasan-kawasan ladang (Colletta, 1975; Ponniah, 1970). Kajian-kajian yang menitikberatkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan pelajar-pelajar India tidak menjadi fokus utama perbincangan dari awal lagi.

Dalam menilai prestasi pendidikan pelajar-pelajar India di Malaysia khususnya pada peringkat sekolah rendah, tiada perbezaan diperhatikan antara pelajar SJK(T) dan pelajar SK kerana para pelajar daripada kedua-dua jenis sekolah menunjukkan prestasi pendidikan yang tidak memuaskan (Santhiran, 1999: 151). Tambahan lagi, walaupun status SJK(T) rendah dalam aspek infrastruktur, guru dan sumber-sumber tertentu mengehadkan pencapaian pendidikan pelajar-pelajar India namun pelajar-pelajar India yang mendapat pendidikan di SK yang lebih baik juga kurang berjaya jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar dari etnik lain (Santhiram, 1999: 151). Apabila melihat kepada kelemahan pencapaian pendidikan pelajar-pelajar India di Malaysia, golongan ini merupakan suatu pembaziran akibat bakat yang tidak

dibangunkan, yang sememangnya penting dalam masyarakat moden (Santhiram, 1999: 152). Oleh itu, adalah tidak rasional untuk menuding jari ke atas pihak sekolah semata-mata sebagai punca kegagalan pelajar-pelajar India. Sebagai pendidik pertama dan pendidik berterusan dalam lingkungan keluarga, keberkesanan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak perlu dipersoalkan memandangkan penglibatan mereka merupakan satu keperluan utama kepada pola pembelajaran yang dikecapi oleh seseorang anak.

Berdasarkan paradigma deprivasi budaya, kanak-kanak daripada kelompok minoriti tidak dapat mencapai pendidikan yang baik di sekolah kerana dipengaruhi oleh budaya persekitaran keluarga, kemiskinan dan tahap intelektual yang dipelajari pada peringkat awal perkembangan (Santhiram, 1999: 10). Dalam hal ini, faktor-faktor tertentu dalam asuhan ibu bapa, mempunyai pengaruh yang kuat ke atas corak pembelajaran, perkembangan kognitif dan pencapaian pendidikan anak (Gestwicki, 2000: 99). Setiap ibu bapa mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan satu set idea yang jelas tentang bagaimana anak perlu membesar dan belajar (Gordon dan Brown, 1989: 123) dan lebih awal ibu bapa melibatkan diri dalam pendidikan, lebih tinggi manfaat yang diterima oleh mereka (Eliason dan Jenkins, 2003: 58). Pendapatan keluarga yang rendah, sistem perumahan yang tidak selesa dan aspek-aspek yang berkaitan dengan kemiskinan dilihat sebagai satu sekatan dalam budaya (Robiah Sidin, 1987). Walaupun banyak kajian Barat menerangkan implikasi keluarga seperti taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pendapatan isi rumah ibu bapa ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak, namun strategi-strategi dan kesan-kesan akibat perbezaan latar belakang sosioekonomi mampu menunjukkan variasi yang berbeza jika merentasi bangsa dan negara. Soalannya,

apakah ciri-ciri semulajadi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dalam kalangan pelajar-pelajar India di negara ini? Adakah sumber-sumber pendidikan yang disediakan oleh ibu bapa kepada anak di negara-negara Barat adalah sama dengan aplikasinya di negara ini? Adakah kesan-kesan latar belakang sosioekonomi ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak juga sama?

Nilai-nilai budaya juga memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan penyesuaian diri dalam persekitaran hidup seseorang kerana stimulasi persekitaran pada peringkat awal perkembangan individu sangat bermakna dalam pembangunan kognitif serta emosi (Compton dan Hall, 1972: 19). Individu daripada kumpulan budaya yang berbeza mempunyai pendapatan, pekerjaan, pendidikan, bahasa, sikap dan tempat tinggal yang tidak sama, maka perbezaan ini mempengaruhi kaedah mengasuh dan membesarkan anak dalam lingkungan kehidupan keluarga (Lakshmi, 1989: 18). Dalam konteks etnik India di Malaysia, nilai-nilai budaya yang diwarisi oleh kumpulan etnik India adalah sama namun persekitaran kehidupan ibu bapa pelajar SJK(T) dan SK yang mendukung nilai-nilai tersebut menampakkan perbezaan. Kebanyakan SJK(T) tertumpu di kawasan luar bandar dan SK di bandar. Perbezaan lokasi sosial antara SJK(T) dan SK turut membezakan latar belakang dan pengalaman hidup ibu bapa pelajar di kedua-dua sekolah tersebut. Justeru, adalah penting untuk menilai sejauhmana persekitaran hidup ibu bapa pelajar SJK(T) dan SK memberi kesan ke atas penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak mereka.

Sebagaimana personaliti seseorang anak ditentukan oleh budaya di mana anak itu diletakkan (Lakshmi, 1989: 17), pendidikan seseorang anak juga ditentukan oleh

pengaruh penglibatan ibu bapa. Hal ini kerana, penglibatan ibu bapa mampu merangsang dan memotivasikan anak untuk terus menguasai ilmu yang dapat menjamin masa depan mereka. Oleh itu, penelitian ke atas penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak terutamanya dari sudut latar belakang sosioekonomi adalah amat penting kerana ia mampu memberi rumusan tentang aspek-aspek yang menentukan pola penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak di SJK(T) dan SK di Malaysia.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini memberi perhatian kepada penglibatan ibu bapa India terhadap pendidikan anak-anak mereka yang sedang menuntut di sekolah-sekolah rendah iaitu SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Objektif kajian ini adalah bertujuan:

1. Untuk menerangkan strategi-strategi yang digunakan oleh ibu bapa India dalam menyelia pendidikan anak-anak yang belajar di SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.
2. Untuk menganalisis pengaruh latar belakang sosioekonomi ke atas penglibatan ibu bapa India dalam pendidikan anak-anak di SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

3. Untuk membandingkan perbezaan dalam penglibatan ibu bapa India terhadap pendidikan anak-anak di SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan.

### **1.5 Soalan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah strategi-strategi ibu bapa India dalam menyelia pendidikan anak-anak yang belajar di SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan?
2. Sejauhmanakah latar belakang sosioekonomi memberi kesan kepada penglibatan ibu bapa India ke atas pendidikan anak-anak di SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan?
3. Mengapakah terdapat perbezaan penglibatan ibu bapa India dalam pendidikan anak-anak antara SJK(T) dan SK di daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini mempunyai kepentingan dan nilainya yang tersendiri dalam bidang sosiologi disebabkan perkara-perkara berikut:

1. Kajian ini penting dilakukan kerana penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak amat penting dalam memberi kesan ke atas pencapaian pendidikan pelajar yang bakal memenuhi hasrat kerajaan untuk menghasilkan guna tenaga profesional bagi pembangunan negara.
2. Kajian ini penting memandangkan tiada kajian yang dilakukan terhadap pembabitan ibu bapa dalam pendidikan anak dalam kalangan etnik India terutamanya di SJK(T) dan SK. Kajian-kajian yang sedia ada lebih menjurus kepada aspek kemiskinan masyarakat India dan peranan institusi sekolah.
3. Kajian ini dijangka dapat menyenaraikan kekangan-kekangan terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak agar pelan-pelan tindakan yang komprehensif dapat digagaskan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan tahap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak di SJK(T) dan SK.
4. Kajian ini juga diharap dapat mengemukakan idea kepada pihak berkuasa untuk merancang dan melaksanakan polisi, program dan bantuan-bantuan lain bagi meningkatkan pencapaian pendidikan pelajar-pelajar India yang berada di SJK(T) dan SK di Malaysia.

### **1.7 Batasan Kajian**

Pengkaji telah menetapkan batasan-batasan berikut untuk membolehkan kajian dijalankan dengan lebih berfokus:

Pengkaji telah membataskan subjek kajian kepada kelompok etnik yang sama. Dalam kajian ini, hanya ibu bapa pelajar India sahaja dikaji untuk menilai penglibatan mereka terhadap pendidikan anak yang mendapat pendidikan di SJK(T) dan SK. Kajian ini tidak mengambil kira penglibatan ibu bapa daripada golongan etnik lain seperti Melayu dan Cina terhadap pendidikan anak mereka. Begitu juga dengan responden bagi kategori pelajar; hanya pelajar India sahaja dikaji untuk menilai penglibatan ibu bapa mereka terhadap pendidikan mereka. Hal ini bertujuan untuk menyeragamkan pemilihan subjek dan kaedah menganalisis memandangkan komposisi etnik pelajar di SJK(T) dan SK adalah berbeza.

Selain itu, kajian terhadap penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak ditumpukan pada peringkat sekolah rendah sahaja. Kajian ini tidak mengambil kira penglibatan ibu bapa di sekolah menengah. Hal ini kerana tidak terdapat sekolah vernakular Tamil bagi peringkat menengah untuk dibandingkan dengan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Lebih-lebih lagi, pemfokusan pada penglibatan ibu bapa di sekolah rendah dan sekolah menengah pada masa yang sama akan menjadikan kajian ini lebih luas dan kompleks.

Tambahan lagi, kajian ini hanya dilakukan di Daerah Kerian, di negeri Perak. Justeru, daerah-daerah lain di negeri Perak tidak diambil kira dan begitu juga dengan negeri-negeri lain yang terdapat di Malaysia. Kajian yang menyeluruh di peringkat Malaysia mampu memberi dapatan yang bermakna namun adalah sukar untuk melakukan kajian sebegini memandangkan hampir semua sekolah SK dan terutamanya SJK(T) berselerak dari segi kedudukan lokasi; memberi kesan ke atas faktor masa, tenaga dan kewangan pengkaji.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bahagian pertama dalam bab ini membincangkan beberapa definisi konsep yang penting tentang penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak. Bahagian seterusnya merujuk kepada pelbagai kajian yang telah dilakukan dalam bidang penglibatan ibu bapa dan pembelajaran anak. Ini diikuti dengan perbincangan tentang kerangka teoretikal yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian terakhir dalam bab ini membincangkan model teoretikal yang digunakan dalam kajian ini.

#### **2.2 Definisi Penglibatan ibu bapa**

Ibu atau bapa didefinisikan secara luas sebagai seorang dewasa yang bertanggungjawab dan mengambil berat ke atas kewangan dan emosi serta memberi sokongan kepada anak di bawah tanggungan mereka yang berada di alam persekolahan (Smrekar dan Cohen-Vogel, 2001: 76). Oleh sebab tidak ada persetujuan yang sah tentang definisi penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak, maka penglibatan ibu bapa secara umumnya dapat dikatakan sebagai suatu tindakan dan tingkah laku ibu bapa untuk menyokong segala keperluan pendidikan yang dikehendaki oleh anak di rumah dan di sekolah.



Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak di rumah boleh mengambil pelbagai bentuk termasuk asuhan ibu bapa yang melibatkan kelakuan, nilai dan praktis yang dilakukan oleh ibu bapa dalam proses membesarkan seseorang anak. Perkara ini meliputi segala aktiviti di rumah bagi membentuk kemahiran-kemahiran pembelajaran dalam dirinya (Weiss, et al., 2006) sehinggalah kepada tingkah laku ibu bapa memilih institusi pendidikan yang sesuai untuk anak (Dimmock dan O'Donoghue, 1996). Penglibatan ibu bapa juga mengambil kira strategi-strategi yang digunakan oleh mereka untuk membantu pendidikan anak di rumah seperti berbincang tentang sekolah, membantu kerja rumah anak (Deslandes dan Betrand, 2005: 164), menyelia limitasi tontonan, limitasi masa keluar dari rumah, memantau kerja rumah dan aktiviti anak di rumah (Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 132) selain mengetahui dan memantau progres anak (Baker dan Stevenson, 1986: 161-165). Selain itu, ia juga termasuk komunikasi dan interaksi ibu bapa dengan anak (Howell dan Freese, 1979: 36-38, Lockheed, et al., 1989: 244) tentang program dan aktiviti-aktiviti sekolah (Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 132).

Penglibatan ibu bapa di sekolah pula merujuk kepada tingkah laku ibu bapa melibatkan diri secara sukarela dalam aktiviti sekolah dan kerja-kerja amal (Deslandes dan Betrand, 2005: 164; Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 132; Domina, 2005: 239) selain bekerjasama dan membuat keputusan dalam pentadbiran sekolah, pembelajaran anak dalam bilik darjah dan luar bilik darjah, di samping menentukan kurikulum tambahan di sekolah dan di rumah (Dimmock dan O'Donoghue, 1996, Galen, 1991: 19). Tambahan lagi, penglibatan ibu bapa mengambil kira tingkah laku ibu bapa berhubung dengan guru (Lareau, 1987: 81), mendapat maklum balas dari pada pihak sekolah melalui sesi dialog (Reay, 2004: 76) dan menghadiri mesyuarat

PIBG di sekolah (Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 132, Domina, 2005: 239). Ibu bapa juga menunjukkan penglibatan di sekolah dengan memastikan persekitaran sekolah yang selamat dan selesa dan lengkap dengan kemudahan yang diperlukan oleh anak untuk belajar (Dimmock dan O'Donoghue, 1996),

Oleh itu, penglibatan ibu bapa di rumah dan di sekolah ini amat penting untuk mewujudkan kerjasama antara ibu bapa dan pihak sekolah. Dalam hal ini, ibu bapa membentuk perhubungan rumah-sekolah yang merupakan pertalian formal dan tidak formal antara keluarga dan sistem pendidikan (Weiss, et al., 2006; Dimmock dan O'Donoghue, 1996; Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 132). Dalam perhubungan ini, keluarga menyumbang sokongan budaya, sosial dan emosi kepada seseorang anak untuk terus berfungsi dengan baik di sekolah (Comer dan Haynes, 1991: 276).

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak penting untuk menyalurkan kepentingan pendidikan kepada anak, membentuk hubungan antara pihak sekolah dan rumah, selain memberi ruang kepada ibu bapa untuk mengenal pasti masalah anak dan menyelesaikannya (Domina, 2005: 235-236). Menurut Walker, et al. (2005: 107-113) dan Hoover-Dempsey, et al. (2005: 89-96), penglibatan ibu bapa dalam soal pendidikan anak sebegini bergantung kepada tiga faktor utama. Faktor pertama adalah konstruksi peranan ibu bapa dan kesedaran ibu bapa untuk melibatkan diri bagi membantu anak belajar. Kedua, permintaan kepada ibu bapa daripada pihak sekolah, guru dan anak sendiri untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak. Ketiga, penglibatan ini bergantung kepada elemen-elemen penting dalam kehidupan ibu bapa khususnya limitasi masa, tenaga dan tahap pendidikan mereka yang membenarkan penglibatan tersebut. Kajian ini memberi penekanan

khusus kepada pandangan Hoover-Dempsey yang akan diuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian orientasi teori. Justeru, suatu perkara yang jelas difahami di sini adalah penglibatan yang bakal dihasilkan oleh ibu bapa atau dipercayai untuk mencapai keputusan peperiksaan anak yang lebih baik bergantung kepada komitmen ibu bapa itu sendiri.

Kesimpulannya, penglibatan ibu bapa bukan sahaja merujuk kepada penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran anak di rumah namun ia juga bertujuan menerangkan penglibatan mereka di sekolah. Untuk tujuan kajian ini, ibu atau bapa didefinisikan secara luas sebagai seorang dewasa yang bertanggungjawab dan mengambil berat ke atas kewangan dan emosi serta memberi sokongan kepada anak di bawah tanggungan mereka yang berada di alam persekolahan (Smrekar dan Cohen-Vogel, 2001: 76). Konsep penglibatan ibu bapa terhadap pendidikan anak ini meliputi tingkah laku, nilai dan praktis yang dilakukan oleh ibu bapa untuk menyokong pendidikan anak di rumah dan di sekolah.

### **2.3 Tinjauan Literatur tentang Penglibatan Ibu Bapa ke Atas Pendidikan Anak**

Untuk tujuan tesis ini, kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan dalam menerangkan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dibincangkan pada bahagian ini.

Fokus utama kebanyakan pengkaji dalam menilai masalah pendidikan ialah dalam aspek kemerosotan pencapaian pendidikan dan faktor-faktor penyebabnya.

Dalam menilai masalah kemerosotan pencapaian pendidikan pelajar, pelbagai faktor yang mendorong kepada kelemahan pencapaian pendidikan dikenal pasti. Faktor-faktor ini berkait antara satu sama lain dan telah mengakibatkan intervensi yang kompleks dalam kajian-kajian yang memfokuskan isu pendidikan pelajar. Dalam hal ini, salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian pendidikan seseorang anak ialah latar belakang keluarga.

Pembolehubah-pembolehubah latar belakang keluarga seperti pekerjaan, pendidikan, pendapatan, bangsa, struktur keluarga dan paten pekerjaan semakin menonjol dalam menilai model-model yang berkaitan dengan pendidikan anak (Milne, et. al., 1986: 125). Pengaruh latar belakang keluarga terhadap pengalaman pendidikan seseorang anak menjadi semakin penting dalam sosiologi pendidikan (Lareau, 1987: 73). Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ini amat penting seperti yang dikatakan oleh Wyness (1995: 374):

Kewibawaan ibu bapa dilihat sebagai satu lokus persendirian bagi sumber-sumber sosial dan psikologikal iaitu cara ibu bapa bergerak dalam memastikan anak-anak membangunkan tingkah laku yang bermoral. Sebarang pergerakan dari luar ke dalam lokus ini akan meninggalkan kesan yang begitu tinggi dalam hubungan di antara ibu bapa dan anak-anak.

(Diterjemah oleh pengkaji)

Kajian-kajian berskala besar tentang pencapaian akademik dalam dekad-dekad ini semakin menumpukan perhatian kepada pelbagai ukuran praktis ibu bapa di rumah dan penglibatan ibu bapa dengan sekolah (Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 128). Kebanyakan pengkaji mendapati penglibatan ibu bapa di rumah (Entewisle dan Hayduk, 1981; Lockheed, et al., 1989; Israel, et al., 2001; Ho-Sui Chu dan Willms, 1996; Baker dan Stevenson, 1986) dan di sekolah (Lareau, 1987; Ramsay,

et al., 1992; Reay, 2004; Milne, et al., 1986; Baker dan Stevenson, 1986; Epstein, 1995; Lareau, 1987) dapat memberi kesan yang positif kepada pencapaian anak. Sebaliknya, penglibatan ibu bapa yang kurang dalam pendidikan anak akan menjejaskan pencapaian pendidikan anak (Heyns dan Catsambis, 1986; Myers, et al., 1987; Milne, et al., 1986; Mulkey et al., 1992). Realitinya, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak amat bermakna kepada seseorang anak yang berada pada peringkat persekolahan. Kewujudan hubungan yang kuat antara praktis budaya dan tahap pendidikan bergantung kepada tindakan sistem pendidikan yang mampu mencapai keberkesanan hanya jika seseorang individu terdedah kepada dunia melalui asuhan awal keluarga (Bourdieu, 1977: 493).

Tidak kira penglibatan ibu bapa di rumah atau penglibatan ibu bapa di sekolah, tingkah laku penglibatan ibu bapa ini kuat dipengaruhi oleh latar belakang keluarga terutamanya taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pendapatan isi rumah. Banyak kajian yang mengaitkan penglibatan ibu bapa dengan kelas sosial ibu bapa. Tidak kurang pula yang melihat penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak dari sudut sosioekonomi.

Dalam kajian-kajian yang menekankan faktor kelas sosial, didapati bahawa lebih tinggi kelas sosial satu-satu keluarga, lebih tinggi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Oleh itu, lebih tinggi pula pencapaian akademik yang dicapai oleh anak dalam keluarga tersebut. Sebagai contoh, kajian Lareau (1987: 81) yang menguji teori kapital budaya mendapati bahawa ibu bapa kelas pekerja dan menengah dapat menilai kepentingan pendidikan dan mahukan anak-anak mereka mendapatkan pencapaian yang baik di sekolah namun komuniti kelas pekerja

menyerahkan tanggung jawab pendidikan sebulat-bulatnya kepada guru berbanding komuniti kelas menengah yang melihat pendidikan sebagai satu hubungan kerjasama antara ibu bapa dan guru. Selain itu, ibu bapa kelas pekerja memperlihatkan kekurangan dalam kemahiran, status pekerjaan dan masa serta pendapatan untuk menyokong persekolahan anak berbanding ibu bapa kelas menengah yang mempunyai kemahiran dan status kerjaya serta sumber ekonomi untuk mengurus anak, pengangkutan selain masa untuk berhubung dengan guru, mendapatkan tutor dan melibatkan diri secara intensif terhadap persekolahan anak (Lareau, 1987: 81). Hanya segelintir ibu bapa daripada kelas pekerja yang membantu pendidikan anak masing-masing tetapi mereka tidak begitu terdedah dengan kurikulum sekolah (Lareau, 1987: 78).

Selain kajian Lareau (1987), kajian Reay (1999: 277) terhadap ibu kelas pekerja dan ibu kelas menengah mendapati bahawa wanita kelas pekerja membawa masuk ke dalam ruang pendidikan suatu habitus yang dibentuk oleh kegagalan pendidikan selain kekurangan pengalaman mereka dalam berhubung dengan golongan profesional. Sekali lagi, kajian Reay (2004: 76) tentang penglibatan ibu terhadap anak menggunakan teori kapital budaya Bourdieu mendapati kebanyakan ibu kelas menengah mempunyai latar belakang pendidikan yang baik dan mengalirkan kejayaan pendidikan mereka kepada anak dalam bentuk keyakinan diri dan penglibatan yang tinggi dalam pendidikan anak. Mereka mendapatkan maklum balas daripada pihak sekolah melalui sesi dialog apabila wujud ketegangan antara rumah-sekolah dan berkeupayaan menolak cadangan yang tidak rasional. Ibu kelas pekerja pula bersifat pemaaf, kurang yakin dan tidak bersedia untuk berhubung dengan guru bagi mendapatkan maklum balas daripada pihak sekolah (Reay, 2004: 76). Justeru,

kunci utama kapital budaya khususnya keyakinan dalam hubungan berkaitan sistem pendidikan, pengetahuan pendidikan dan maklumat tentang sekolah diambil kira sebagai keutamaan ibu menjadi perantaraan kepada pendidikan anak yang membolehkan para ibu menitikberatkan tindakan tersebut (Reay, 2004: 77).

Dapatan kajian Sewell dan Hauser (1980) dan Ramsay, et al. (1992) juga signifikan dengan kajian Lareau (1987) dan Reay (1999, 2004). Kajian Sewell dan Hauser (1980: 64-65) berdasarkan pelajar sekolah Wisconsin mendapati bahawa anak dari keluarga yang berstatus tinggi mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi. Kebanyakan pelajar kelas pekerja memperlihatkan skil kognitif yang rendah dan gagal memiliki aspirasi yang tinggi dalam pendidikan akibat persepsi mereka iaitu ketiadaan dorongan ibu bapa dan guru berpunca daripada kekurangan sumber kewangan. Kajian Ramsay, et al. (1992: 172-173) mendapati ibu bapa daripada kelas pekerja tidak melibatkan diri dalam aktiviti sekolah (walaupun ada keinginan), disebabkan masalah penjagaan anak, rasa kedatangan tidak dihargai oleh pihak sekolah, kurang keyakinan dan mempunyai perasaan rendah diri untuk melibatkan diri dalam pendidikan anak di sekolah.

Secara umumnya, berdasarkan kajian-kajian Reay (1999, 2004), Lareau (1987, 1992), Sewell dan Hauser (1980) dan Kajian Ramsay, et al. (1992) dapat diperhatikan bahawa tahap penglibatan ibu bapa bergantung kepada kedudukan kelas dan kepada sumber-sumber sosial dan budaya yang dimiliki oleh kelas tersebut. Ibu bapa dari kelas menengah mempunyai kelebihan dari segi kapital budaya dan sumber-sumber yang lebih baik aspek persekolahan anak-anak (Stanley dan Wyness, 1999: 45). Oleh itu, kapital budaya satu-satu keluarga bergantung

kepada pendidikan dan pekerjaan ibu bapa maka kapital budaya ini mempunyai pengaruh kuat ke atas pencapaian akademik (Deng, 1997: 395) selain faktor pendapatan yang mempengaruhi perhubungan sosial dalam keluarga (Howell dan Mc Broom, 1982: 42). Lantaran itu, budaya kelas dominan dan kelas menengah yang kaya dari segi kapital ekonomi menggunakan sistem pendidikan untuk memastikan reproduksi sosial mereka (Bourdieu, 1994: 132). Dalam hal ini, kapital budaya adalah kelebihan yang diperoleh oleh kelas menengah dan kelas atasan kerana ibu bapa daripada kelompok dominan mempunyai kapital budaya hasil kombinasi 'lapangan' pendidikan dan 'habitus' mereka berbanding kelompok yang tidak dominan yang menunjukkan akses yang terhad kepada kapital sosial di sekolah dan strategi-strategi penglibatan ibu bapa di rumah (Lee dan Bowen, 2006: 198-199).

Sebagai salah satu petunjuk kelas sosial, tahap pendidikan ibu bapa (Lockheed, et al., 1989: 242) juga mempunyai pengaruh yang kuat ke atas penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran anak. Hal ini kerana, kedudukan sosial ibu bapa dalam sistem pendidikan ditentukan oleh pola pendidikan yang dikecapi oleh mereka maka ibu bapa yang berpendidikan tinggi lebih rapat dari segi sosial kepada corak pemikiran pihak sekolah berbanding ibu bapa yang kurang berpendidikan (Raty, 2006: 4). Tambahan lagi, tahap pendidikan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa kelas menengah membolehkan anak-anak daripada kelas ini mempunyai lebih banyak peluang untuk membentuk motivasi ke arah aspirasi pendidikan dan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti pendidikan yang mungkin berguna sewaktu transisi ke sekolah (Tudge, et al., 2006: 1462-1463; Sewell dan Hauser, 1980: 66).



Selaras kajian-kajian yang dibincangkan di atas, kajian Howell dan Freese (1979: 36-38) mendapati bahawa taraf ekspektasi ibu bapa dan aspirasi terhadap pendidikan adalah tinggi dalam kalangan kulit hitam. Dalam hal ini, ibu bapa yang berpendidikan biasanya berkomunikasi dan berinteraksi dengan anak dengan cara yang lebih kondusif berdasarkan pembangunan intelek mereka, membolehkan anak membesar selaras aspirasi yang positif ke arah pembelajaran dan pencapaian akademik (Poston dan Falbo, 1990: 449). Kajian Lockheed, et al. (1989: 244) mendapati seseorang anak yang mempunyai bapa yang mempunyai pekerjaan profesional dan ibu yang berpendidikan tinggi mempunyai pencapaian tinggi dalam mata pelajaran Matematik. Penglibatan ibu bapa dari segi pengagihan sumber material dan bahasa interaksi di rumah meningkatkan pencapaian ini.

Tambahan lagi, kajian Kaplan, et al. (2001: 360) terhadap kesan perasaan sendiri negatif ibu bapa dan hubungannya dengan taraf pendidikan ibu bapa serta aspirasi terhadap anak mendapati bahawa ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan yang mempunyai perasaan sendiri negatif yang tinggi akan memperlihatkan ekspektasi yang tinggi dalam pencapaian akademik anak namun ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah dan tingkat perasaan sendiri negatif yang tinggi kurang memaparkan ekspektasi yang tinggi daripada anak dalam pencapaian akademik (Kaplan, et al., 2001: 366). Ekspektasi yang rendah ini menjejaskan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak. Jelas di sini bahawa lebih tinggi pendidikan dan pekerjaan ibu bapa maka lebih tinggi aspirasi pendidikan yang diletakkan oleh ibu bapa ke arah kecemerlangan pelajar (Lockheed, et al., 1989: 245).

Tambahan lagi, kajian Israel, et al., (2001: 61) membuktikan bahawa atribut latar belakang keluarga khususnya kapital sosial yang terdapat dalam keluarga menyebabkan pendidikan anak lebih cemerlang. Dalam hal ini, jika hubungan ibu bapa-anak adalah kuat maka ibu bapa meletakkan nilai yang tinggi pada pendidikan anak. Oleh itu, maka ibu bapa daripada keluarga yang berpendapatan tinggi atau berpendidikan dapat melibatkan diri dalam pendidikan anak dengan lebih efektif selaras pencapaian pendidikan yang diinginkan.

Berdasarkan hasil kajian Lockheed, et al. (1989), Raty (2006), Tudge, et al. (2006), Sewell dan Hauser (1980), Howell dan Freese (1979), Poston dan Falbo (1990), Kaplan, et al. (2001), Lareau (1987) dan Israel, et al., (2001) didapati bahawa anak kepada ibu bapa yang berpendidikan tinggi memperlihatkan pencapaian pendidikan yang tinggi berbanding anak kepada ibu bapa yang berpendidikan rendah. Dalam hal ini, menurut Haralambos dan Holborn (1990: 268-269), sistem pendidikan bertindak mempertahankan kuasa kelas dominan sejak ia menggambarkan dirinya seperti satu badan bebas berdasarkan prinsip meritokrasi yang menyumbang peluang saksama untuk semua. Maka, anak-anak daripada kelas pekerja yang dipengaruhi oleh deprivasi budaya, bukan sahaja gagal membangunkan keupayaan diri dan atribut budaya malah tidak berpeluang untuk bersaing dengan kelas menengah dan atasan apabila berada pada tahap persekolahan (Farley, 1992: 413).

Selain daripada kajian-kajian yang menumpukan perhatian kepada faktor kelas sosial, terdapat juga kajian yang merakamkan penglibatan ibu bapa dengan taraf sosioekonomi mereka. Kajian Katsilis dan Rubinson (1990: 275) membuktikan

bahawa perbezaan dan kejayaan pendidikan mencerminkan ketidakseimbangan yang dikaitkan oleh status sosioekonomi dan bukannya kedudukan kelas. Disebabkan status sosioekonomi keluarga mempengaruhi kapital budaya maka kapital budaya merupakan mekanisme dalam reproduksi pendidikan yang secara langsung mendorong kepada kejayaan pendidikan. Justeru, mekanisme utama status sosioekonomi keluarga dipindahkan ke dalam pencapaian pendidikan ialah melalui keupayaan dan usaha. Penghasilan semula yang berlaku ialah akibat perbezaan keupayaan dan usaha pelajar daripada latar belakang sosioekonomi yang berbeza. Dalam hal ini, kajian Lueptow (1975: 100) yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah tinggi di Wisconsin pula mendapati para pelajar yang mempunyai nilai pencapaian yang tinggi sememangnya berasal dari latar belakang keluarga bandar, berpendidikan, berpendapatan tinggi dan mempunyai status pekerjaan yang tinggi.

Kajian Baker dan Stevenson (1986: 156) pula, meneroka hubungan antara status sosioekonomi dan pencapaian akademik dengan menganalisa tindakan yang boleh dan biasa dilakukan oleh ibu bapa untuk mengurus hal persekolahan anak. Hasil kajian mendapati bahawa ibu yang berpendidikan tinggi mempunyai pengetahuan yang tinggi terhadap hal persekolahan anak, lebih banyak menghubungi pihak sekolah, mengetahui pencapaian anak, memantau progres anak dan memimpin anak ke peringkat pengajian tinggi (Baker dan Stevenson, 1986: 161-165). Selain kajian Baker dan Stevenson, kajian Ho Sui-Chu dan Willms (1996) menjurus kepada empat aspek utama penglibatan ibu bapa iaitu pola interaksi dalam keluarga, komunikasi dengan pihak sekolah, penyeliaan di rumah dan penglibatan ibu bapa di sekolah mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara taraf sosioekonomi dan penglibatan ibu bapa (Ho Sui-Chu dan Willms, 1996: 133). Hasil kajian mendapati